

12 FEB 2003

Mahathir-Aidiladha (rangkuman)/Bergambar
DR MAHATHIR SOLAT HARI RAYA BERSAMA SULTAN KEDAH

ALOR STAR, 12 Feb (Bernama) -- Sultan Kedah dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini bersama-sama rakyat jelata menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Zahir, di sini.

Turut bersama menunaikan solat di situ ialah Raja Muda Kedah dan Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Kira-kira 2,000 orang turut hadir menunaikan solat di situ dan mereka turut mengambil kesempatan beramah mesra dengan Sultan Kedah dan Dr Mahathir selepas solat.

Perdana Menteri kemudiannya menziarahi pusara ibu bapanya bersama isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Kawasan Perkuburan Islam Akar Peluru, Persiaran Sultan Abdul Halim di sini.

Di situ kaum keluarga dan sanak saudara Dr Mahathir siap sedia menunggu untuk bersalaman dengan pemimpin yang disayangi itu.

Dr Mahathir dan isteri kemudian berdoa, menaburkan bunga rampai dan merenjis air mawar di pusara Allahyarham Mohamad Iskandar dan ibunya Allahyarhamah Wan Tempawan Wan Hanafi.

Mereka berdua juga turut berbuat demikian terhadap pusara-pusara sanak saudara yang terletak bersebelahan.

Kemudian Dr Siti Hasmah menyampaikan sumbangan duit raya kepada kanak-kanak yang berada di sekitar kawasan perkuburan itu.

Perdana Menteri kemudian berangkat ke Istana Anak Bukit untuk mengadap Sultan Kedah.

Selepas itu Dr Mahathir akan meraikan tetamu dengan mengadakan majlis rumah terbuka Aidiladha di Dewan Wawasan, Jitra dekat sini.

Di PULAU PINANG, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menunaikan sembahyang sunat Hari Raya Aidil Adha bersama ratusan umat Islam di Masjid Jamek Al-Badawi di Kepala Batas.

Beliau kemudiannya menyertai majlis tahlil di masjid berkenaan.

Abdullah juga menghadiri upacara penyembelihan korban di Kampung Bertam, Kampung Selamat, Paya Keladi Tengah, Kuala Muda, Kampung Lembah, Kampung Padang dan Permatang Kuang.

Beliau dijadualkan menghadiri jamuan makan tengah hari bersama penduduk kampung di Permatang Tok Elong.

Sementara itu, Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas menunaikan sembahyang sunat hari raya di Masjid Negeri yang disertai oleh lebih 2,000 umat Islam.

-- BERNAMA

AZE AZZ PR